

21 AUG 2000
SAID-Media/I

SAID 2000 BINCANG CIPTA SEMULA MEDIA DALAM DUNIA DIGITAL

Oleh: Mohamed Arshi Daud

MAPUTO (Mozambique), 21 Ogos (Bernama) -- Dalam semangat sebenar perkongsian bijak, Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 2000 semalam menyaksikan perbincangan meja bulat pertamanya melibatkan pemimpin, ahli peniagaan serta perwakilan terpilih pihak media dan buruh dari Selatan Afrika dan Malaysia.

Dalam perbincangan terbuka kira-kira dua jam itu, delegasi Malaysia mencadangkan pengumpulan sumber-sumber bagi pertukaran berita di kalangan negara-negara Afrika dan Asia.

Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, pengelola bersama dialog SAID 2000, berkata cadangan itu melibatkan pengwujudan versi Afrika bagi Asian News Network (ANN) yang dihubungkan antara satu sama lain menerusi siberangkasa.

ANN, yang ditubuhkan pada 1999, merupakan rangkaian sembilan akhbar dari 10 negara Asia. Anggotanya bertukar-tukar berita secara harian melalui Internet.

ANN dianggotai Kemboja, China, India, Indonesia, Filipina, Malaysia, Thailand, Singapura, Korea Selatan dan Vietnam. Bagaimanapun, Kemboja bukan merupakan anggota yang aktif kerana ia tidak mempunyai akhbar harian.

Ketika bercakap kepada pemberita Malaysia kemudiannya, Omar, yang juga Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, berkata para pemimpin melahirkan kekecewaan dengan laporan mengenai negara-negara mereka yang telah diputar belit oleh media barat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang merupakan seorang daripada 10 pemimpin yang menghadiri SAID 2000, memberitahu perbincangan itu oleh kerana Malaysia sendiri tidak terlepas daripada salahlapor oleh media barat, mereka juga mungkin salahlapor mengenai negara-negara membangun yang lain.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata adalah lebih baik bergantung kepada berita-berita daripada akhbar tempatan daripada mempercayai pihak ketiga yang sering berat sebelah.

Tiga pegawai kanan media dari Malaysia, Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu Berhad Tan Sri Kamarul Ariffin, pengarang The New Straits Times Press Bhd Hardev Kaur dan timbalan pengarang berita The Star Wong Sai Wan, adalah antara 40 wakil media yang mengambil bahagian dalam sesi dialog itu.

Ia turut membincangkan perlunya untuk tidak meniru Barat, demi kepercayaan di kalangan anggota SAID dan memandangkang kos tinggi bagi pendidikan dalam bidang teknologi.

Fasilitator perbincangan itu ialah Perdana Menteri dan Menteri Ekonomi dan Hal Ehwal Sosial Mozambique Dr Pascoal M Mocumbi.

Kira-kira 350 rakyat Malaysia menyertai SAID 2000, yang keempat dalam siri itu. SAID dihamkan daripada Dialog Antarabangsa Langkawi.

Pemimpin korporat Malaysia yang menghadirinya pada kali ini termasuk Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas Tan Sri Mohamad Hassan Marican, Presiden Sapura Holdings Datuk Shahril Shamsuddin dan penasihat korporat Sungeiway Group Tan Sri Ramon Navaratnam.

-- BERNAMA
MAD RHM NMO